

JOHOR BAHRU, 29 JUN (BERNAMA)-- KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI KEMUDAHAN PELAJARAN SEBANYAK YANG TERDAPAT WALAUPUN PERUNTUKAN YANG LEBIH BESAR DIUTAMAKAN BAGI MEMERANGI KOMUNIS DAN SABVERSIF YANG MENGANCAM NEGARA SEKARANG, DEMIKIAN JAMINAN DR. MAHATHIR MOHAMED.

INI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, IALAH KERANA PELAJARAN JUGA MERUPAKAN SALAH SATU SENJATA YANG BERKESAN UNTUK MENJAMIN KEUTUHAN NEGARA.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DISINI PETANG INI, DR. MAHATHIR BERKATA, NEGARA SEKARANG MEMERLUKAN WANG YANG BANYAK UNTUK TUJUAN KESELAMATAN BAGI MENENTANG ANCAMAN ITU HABIS-HABISAN.

+ INI BERMAKNA SEBAHAGIAN DARI PERBELANJAAN UNTUK PEMBANGUNAN MUNGKIN DIPOTONG JIKA KEADAAN MEMAKSA. JIKA INI BERLAKU RAKYAT JUGA AKAN MENERIMA KESAN BURUK DISEBABKAN KURANG MENDAPAT NIKMAT DARI USAHA-USAHA PEMBANGUNAN.+ -- BERSAMBUNG1530/1B

567:

MAHATHIR-2 JOHOR BAHRU

BELIAU MAHU RAKYAT DAN IBUBAPA FAHAM TENTANG PENTINGNYA KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA MASALAH KESELAMATAN.

+ JIKA KESELAMATAN TIDAK ADA. SEKOLAH YANG BAIK PUN TIDAK MEMPUNYAI ERTI KERANA PENGGUNAANNYA MUNGKIN TERSEKAT DAN DENGAN DEMIKIAN PELAJARAN JUGA MEROSOT+.

DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG PERLUNYA PARA PELAJAR DIBERI FAHAM YANG JELAS MENGENAI SISTEM PEMERINTAHAN DEMOKRASI UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA HIDUP BEBAS DAN MAKMUR.

BERCAKAP TENTANG SOSIO-EKONOMI. TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, MATA LAMT UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DAN PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT TIDAK AKAN TERCAPAI SELAGI ORANG-ORANG MELAYU TIDAK MAHU MENGUBAH SIKAP DAN BERANI MEMASUKI BIDANG PEURSAHAAN DAN PERNIAGAAN. -- BERSAMBUNG1535/1B

568:

MAHATHIR 3 JOHOR BAHRU

BELIAU INGIN MELIHAT LEBIH RAMAI PELAJAR DARI KAWASAN PERTANIAN DAN KURANG MAJU MENDAPAT ASAS ILMU YANG DIPERLUKAN TERMASUK PERDAGANGAN.

MEMANDANGKAN PENTINGNYA ILMU INI. KERAJAAN TELAH MEMASUKANNYA KEDALAM KURIKULUM DI SETENGAH-SETENGAH SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DAN PERTANIAN DALAM TAHUN 1973 DAN PENGAJARANNYA AKAN DIPERHEBATKAN LAGI DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH YANG LAIN TERUTAMA DI KAWASAN-KAWASAN PERTANIAN DAN KURANG MAJU.

DR. MAHATHIR JUGA BERCAKAP TENTANG PENDIDIKAN UGAMA DAN AKHLAK DAN MENSIFATKANNYA SEBAGAI PENTING KERANA KEMAJUAN KEBENDAAN SEMATA-MATA BELUM DAPAT MENJAMIN KEBAHAGIAAN HIDUP SESEORANG.

MEMILIKI HARTA YANG BANYAK TANPA AKHLAK DDAN BUDI PEKERTI YANG TINGGI MEMBOLEHKAN SESEORANG ITU BERTINDAK MENGIKUT HAWA NAFSU. -- 734'-.77.\$1540/1B

569:

MAHATHIR -4 JOHOR BAHRU

INI BUKAN SAJA AKAN MEROSAKAN DIRI SESEORANG ITU TETAPI JUGA NEGARA.

DALAM MEMBERI PELAJARAN AQIDAH, IBADAH DAN AKHLAK. KEMENTERIAN PELAJARAN TIDAK MENGABAIKAN TUGASNYA DAN AMAT MEMERLUKAN SOKONGAN DAN KERJASAMA IBUBAPA SUPAYA APA YANG DIAJAR ITU DAPAT MENINGGALKAN KESAN.